



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH SEKOLAH  
HIJAU 2020

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**13 MAC 2020 (JUMAAT)**  
**9.00 PAGI**

**DEWAN TERBUKA**  
**SEKOLAH KEBANGSAAN KEBUN SIREH**  
**JALAN KEBUN SIREH**  
**BUKIT MERTA JAM**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Sohana Binti Kasim**  
Pengurus Sumber Manusia  
Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd.

**Yang Berusaha Encik Safuan Bin Shuib**  
Guru Besar  
Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Wakil Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang**

**Wakil Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang**

**Guru-Guru dan Murid-Murid Sekolah Yang Menyertai Pertandingan  
Anugerah Sekolah Hijau**

**Rakan-rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2020 anjuran bersama Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. di Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh, Jalan Kebun Sireh, Bukit Mertajam. Ini merupakan kali pertama Majlis Pelancaran Pertandingan Sekolah Hijau diadakan di luar ibu pejabat Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. kerana masih sudi menjadi penaja kepada Program Anugerah Sekolah Hijau pada tahun ini.

Untuk makluman semua, Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. telah bekerjasama dengan MBSP dalam menganjurkan Majlis Anugerah Sekolah Hijau sejak tahun 2010 lagi. MBSP amat berterima kasih kepada Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. dan kakitangannya di atas sokongan padu yang

berterusan dalam memperkasakan pendidikan dan kesedaran pemuliharaan dan pemulihan alam sekitar di kalangan murid-murid di sekolah-sekolah di Seberang Perai. Diharap penajaan ini akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang. Saya juga menyeru agar lebih banyak penaja tampil ke hadapan untuk bersama-sama MBSP dalam menjayakan program-program seumpama ini.

Terima kasih juga kepada Syarikat Jinko Solar yang sudi menaja dan memasang solar panel di sekolah-sekolah yang menjadi johan Anugerah Sekolah Hijau. Selain itu, tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang kerana sudi bekerjasama dengan MBSP dalam Anugerah Sekolah Hijau ini. Jutaan terima kasih juga kepada Jabatan Alam Sekitar kerana turut memberi sokongan dalam menjalankan program ini.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,**

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menetapkan sasaran untuk menjadi **Bandar Raya Rendah Karbon pada tahun 2022, Bandar Raya *carbon neutral* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi Bandar Raya Sifar Karbon pada tahun 2050.** MBSP juga

komited untuk bersama bandar raya-bandar raya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat **mengehadkan pemanasan global ke 1.5 °C.**

Strategi utama untuk mencapai “*key objective*” di atas ialah pengurangan jejak karbon melalui peningkatan kadar kitar semula sebanyak 70% dan pengurangan 50% per kapita penghasilan sampah pada tahun 2022. Hari ini, saya dengan sukacitanya mengumumkan Seberang Perai telah berjaya mencapai kadar kitar semula tertinggi di Malaysia iaitu 51.64% pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak 4.49% dari tahun 2018.

Saya juga ingin memaklumkan Seberang Perai telah berjaya mengurangkan penghasilan karbon per kapita sebanyak 16.5% pada tahun 2019 iaitu dengan bacaan sebanyak 6.88 tan CO<sub>2</sub>eq seorang berbanding tahun 2015 sebanyak 8.24 tan CO<sub>2</sub>eq seorang. Seberang Perai juga telah berjaya mengekang peningkatan pelepasan karbon sebanyak 10,436,480 CO<sub>2</sub>eq jika dibanding dengan *business as usual* atau jika tiada usaha pengekangan dibuat oleh MBSP. Pencapaian ini telah membolehkan MBSP tersenarai dalam sepuluh bandaraya terbaik di rantau Asia dan antara 100 bandaraya terbaik di dunia oleh *Carbon Disclosure Project (CDP)*.

Pencapaian besar ini bukanlah kebetulan tetapi hasil daripada perancangan yang rapi diikuti dengan tindakan yang jitu. Justeru itu marilah kita teruskan momentum ini, tidak boleh ditangguh atau dilengahkan, memandangkan kita mempunyai visi yang lebih besar untuk dicapai iaitu untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandar Raya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandar Raya Pintar (*Smart City*) menjelang Tahun 2022.

Pencapaian ini juga membolehkan MBSP melaksanakan kesemua 17 *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang merupakan sasaran *New Urban Agenda 2030* untuk mencapai Bandar raya yang mampan. Pencapaian ini telah diiktiraf oleh *United Nations* (UN) dan MBSP telah membentangkan pencapaian ini semasa persidangan *10th World Urban Forum* pada 8 hingga 13 Februari 2020 di Abu Dhabi, UAE. MBSP adalah antara beberapa bandar raya di dunia, selain daripada New York, Helsinki, Tokyo dan Taipei, yang telah berjaya membentangkan *Voluntary Local Review* berkenaan pelaksanaan 17 *Sustainable Development Goals* (SDGs) di Seberang Perai. Seberang Perai telah berjaya melaksanakan kesemua 17 SDGs di peringkat tempatan dan telah menjadikannya satu kenyataan kepada masyarakat, isi rumah dan individu.

## **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,**

Program Anugerah Sekolah Hijau telah dilaksanakan dengan jayanya semenjak 2010 sehingga kini dan saban tahun, terdapat peningkatan dalam penyertaan dari sekolah-sekolah dalam program ini. Keseluruhan jumlah sekolah yang menyertai Anugerah Sekolah Hijau ini telah meningkat dari 30 buah sekolah pada 2010 kepada 166 sekolah bagi tahun 2019. Pelaksanaan Program Anugerah Sekolah Hijau telah menampakkan kejayaan di antaranya:

- i. Aktiviti pengumpulan barangan kitar semula oleh sekolah-sekolah yang terlibat, di mana pada tahun 2018 sebanyak 114.38 tan barang kitar semula telah dikumpul. Manakala pada tahun 2019 sebanyak 141.60 tan barang kitar semula telah dikumpul.
  
- ii. Aktiviti sekolah hijau telah dijadikan sebahagian daripada program ko-kurikulum sekolah, di mana sekolah-sekolah menjalankan aktiviti-aktiviti membuat kompos, menanam sayur-sayuran, melibatkan diri dalam program khidmat masyarakat

seperti kempen kitar sekolah, pembersihan pantai dan kempen tanam pokok.

- iii. Melaksanakan program *upcycle* di sekolah dan melatih murid-murid menjadi usahawan.
- iv. Sekolah-sekolah hijau telah mencapai kejayaan dalam kempen penjimatan elektrik dan air.
- v. Sekolah bekerja sebagai satu pasukan yang melibatkan guru-guru, murid-murid serta pekerja am dan pengawal keselamatan dalam program-program hijau di sekolah.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,**

Kumpulan sasaran untuk Anugerah Sekolah Hijau adalah Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Sekolah yang menyertai anugerah sekolah hijau akan dinilai mengikut beberapa kriteria utama, iaitu dari segi:-



- A. Kecekapan Sumber Asli
  - a. Penjimatan Tenaga elektrik (13 markah)
  - b. Pemuliharaan dan penjimatan air (11 markah)
  - c. Kecekapan sumber 8R (17 markah)
  
- B. Inovasi dan Kreativiti (14 markah)
  
- C. Kebersihan dan Penghijauan (18 markah)
  
- D. Penyertaan Masyarakat (15 markah)
  
- E. Pembentangan (12 markah)

Skema pemarkahan Anugerah Sekolah Hijau 2020 telah tambah baik bagi mencapai sekolah hijau sebagai penggerak kelestarian alam sekitar. Antaranya sekolah perlu mencapai penjimatan elektrik dan air sebanyak 2% bagi memperolehi markah yang lebih tinggi. Tahun ini penekanan juga diberikan kepada program kitar semula dan pengkomposan di mana sekolah hendaklah menyimpan rekod dan analisa per kapita. Tahun ini

empat (4) markah diberikan kepada sekolah yang berjaya dalam pengkomposan. Sekolah-sekolah adalah digalakkan tidak menyediakan dalam usaha mencapai sifar.

Tarikh tutup penghantaran laporan melalui system atas talian adalah pada 3 April 2020. Penilaian panel ke atas sekolah-sekolah yang menyertai anugerah sekolah hijau ini akan dinilai pada bulan Ogos 2020. manakala majlis penyampaian hadiah akan diadakan pada akhir bulan Oktober 2020.

Penyertaan sekolah bagi program-program anjuran MBSP yang lain juga akan menyumbang markah tambahan. Antara program yang dimaksudkan ialah:

- i. Pertandingan Kempen Kitar Semula Sekolah peringkat sekolah tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah anjuran bersama Fraser & Neave Holdings Berhad;
- ii. Pertandingan Permainan Hijau Digital Sekolah Piala Datuk Bandar bagi sekolah rendah dan sekolah menengah;

- iii. Latihan pendidikan kualiti air sungai dan pertandingan kuiz air sekolah menengah;
- iv. Pertandingan projek air dan perubahan iklim bagi sekolah menengah;
- v. Pertandingan projek air dan perubahan iklim bagi sekolah menengah;
- vi. Bagi penyertaan masyarakat, satu (1) markah akan diberikan kepada sekolah-sekolah yang hadir ke program-program anjuran MBSP termasuk pelancaran pagi ini;
- vii. MBSP menggalakan murid-murid menganjur pembersihan pantai atau tempat lapang dan selepas kutipan diadakan bengkel kitar semula'

Hadiah yang disediakan dibahagikan kepada dua kategori iaitu sekolah menengah dan sekolah rendah. Pemenang akan membawa pulang hadiah dengan nilai seperti berikut:

## **PEMENANG SEKOLAH MENENGAH**

- |      |                 |                              |
|------|-----------------|------------------------------|
| i.   | Johan           | RM2,000.00 + Piala           |
| ii.  | Naib Johan      | RM1,600.00 + Piala           |
| iii. | Anugerah Emas   | RM1,000.00 + Piala           |
| iv.  | Anugerah Perak  | RM600.00 + Piala x 6 sekolah |
| v.   | Anugerah Gangsa | RM300.00 + Piala x 6 sekolah |

## **ANUGERAH KHAS SEKOLAH MENENGAH**

- |      |                            |          |
|------|----------------------------|----------|
| i.   | Program Sisa Sifar         | RM200.00 |
| ii.  | Kebersihan dan Penghijauan | RM200.00 |
| iii. | Inovasi dan Kreativiti     | RM200.00 |
| iv.  | Penglibatan Komuniti       | RM200.00 |

## **PEMENANG SEKOLAH RENDAH**

- |      |                 |                          |
|------|-----------------|--------------------------|
| i.   | Johan           | RM2000+Piala             |
| ii.  | Naib Johan      | RM1600+Piala             |
| iii. | Tempat Ketiga   | RM1200+Piala             |
| iv.  | Anugerah Emas   | RM1000+Piala x 2 sekolah |
| v.   | Anugerah Perak  | RM600+Piala x 9 sekolah  |
| vi.  | Anugerah Gangsa | RM300+Piala x 9 sekolah  |

## **ANUGERAH KHAS SEKOLAH RENDAH**

i.	Program Sisa Sifar	RM200.00
ii.	Kebersihan dan Penghijauan	RM200.00
iii.	Inovasi dan Kreativiti	RM200.00
iv.	Penglibatan Komuniti	RM200.00

Pada tahun ini juga, Syarikat Jinko Solar akan turut serta dengan menyumbang hadiah panel solar yang berkapasiti 8 kilowatt kepada johan Anugerah Sekolah Hijau (4 kilowatt bagi johan sekolah menengah dan 4 kilowatt bagi johan sekolah rendah). Ini termasuklah segala kos pemasangan.

Diharap dengan adanya pertandingan ini, akan berjaya menarik dan memupuk minat golongan para pelajar dan para pendidik untuk menjadikan aktiviti pemeliharaan alam sekitar sebagai satu budaya.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,**

Saya mengalu-alukan penyertaan sekolah-sekolah di seluruh Seberang Perai untuk menyertai Program Anugerah Sekolah Hijau 2020. Adalah diharapkan sekolah-sekolah dapat menunjukkan komitmen yang

tinggi serta melaksanakan ciri-ciri amalan hijau dengan cemerlang ke arah perubahan alam sekitar yang positif. Agensi pendidikan adalah satu titik mula yang penting dalam membentuk masyarakat yang menjaga dan mencintai alam sekitar sejajar dengan matlamat Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

Bagi sekolah boleh berusaha menghasilkan produk upcycle, MBSP menyediakan gerai jualan di dua lokasi iaitu di Autocity Juru pada Sabtu pertama jam 7.00 malam-10.30 malam dan di Design Village Outlet Mall Batu Kawan pada ahad ketiga jam 11.00 pagi - 10.00 malam untuk jualan.

Diharap melalui program Anugerah Sekolah Hijau ini pihak sekolah sentiasa berusaha secara berterusan bersama MBSP dalam merealisasikan ‘*Smart Consumption*’ model bagi *Sustainable Development Goals* 12 & 13 iaitu *Responsible Consumption & Production* dan *Climate Action*. Selain itu, pihak sekolah juga diharap dapat menekankan pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar terhadap para pelajar.

MBSP sentiasa menjadikan “*Seberang Perai is For All*” sebagai *guiding principal* dalam memacu MPSP ke arah inklusif. Justeru itu, bagi

mencapai “*Seberang Perai An Aspiring City Of Tomorrow*”, saya menyeru kepada seluruh warga Seberang Perai untuk terus memberikan sokongan kepada MBSP ke arah matlamat menjadikan **Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi**.

Saya seterusnya menyeru para pelajar, guru dan semua yang hadir untuk menjadikan kitar semula sebagai satu amalan dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan se hijau mungkin. Diharapkan dengan program Anugerah Sekolah Hijau 2020 ini dapat membantu MBSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu “***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***”.

Akhir kata, terima kasih kepada semua yang telah menyokong usaha yang telah dibuat oleh MBSP selama ini. Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2020.

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi**

**Wabarakatuh.**

**Terima kasih.**